



Ruj.Kami : PSUKPP/13/0755/2 Klt.2 (34)
Tarikh : 15 Jamadilakhir 1432H
19 Mei 2011

Ketua-Ketua Jabatan Negeri
PULAU PINANG

Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri
PULAU PINANG

Ketua-Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan
PULAU PINANG

Y.B. Dato'/Y.B.Tuan/Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGGUNAAN MESIN FOTOSTAT MELALUI RANGKAIAN
(NETWORK)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Permohonan Projek ICT Negeri (JPPICT) Bil. 2/2011 yang telah diadakan pada 7 April 2011 telah memutuskan supaya kontrak perjanjian baru sewaan mesin fotostat semua Jabatan/Agensi Negeri perlu mempunyai kemudahan cetakan melalui rangkaian (*network*) jabatan. Pendekatan penggunaan sewaan mesin fotostat rangkaian (*network*) sebagai pengganti pencetak adalah bertujuan menjimatkan kos dan mengurangkan penggunaan kertas serta menggalakkan pendekatan perkongsian dan inisiatif '*Green IT*'.

3. Sehubungan itu, adalah dicadangkan supaya pencetak warna saiz A3 dan pengimbas (*scanner*) saiz A3 tidak dibeli dan digantikan dengan kaedah sewaan mesin fotostat rangkaian (network) dengan ciri-ciri yang menyokong cetakan dan pengimbas bersaiz A3/A4 hitam putih dan warna.

4. Di samping itu, Jabatan/Agensi Y.B. Dato'/Y.B.Tuan/Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan juga dipohon mewujudkan tatacara bagi mengawal penggunaan dan cetakan ke atas mesin fotostat rangkaian yang disediakan dengan kaedah mewujudkan id dan katalaluan di mesin fotostat tersebut mengikut kategori penggunaan jabatan/agensi masing-masing.

5. Atas perhatian dan kerjasama Y.B. Dato'/Y.B.Tuan/Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/ Puan adalah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.


(DATO' HAJI MUHAMMAD YUSOFF BIN WAZIR)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri

Pulau Pinang.

☎04-2616442

✉myusoff@penang.gov.my

e.d: Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Timbalan Pengarah UPEN (Makro)
Timbalan Pengarah UPEN (Sektoral)
Ketua Penolong Setiausaha (BPSM)
Setiausaha Sulit Kanan Kepada YAB Ketua Menteri
Ketua Audit Dalam
Ketua Penolong Setiausaha (KP&KEW)
Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)
Pengarah MSN
Ketua Penolong Setiausaha (BKK)
Ketua Penolong Setiausaha (KT)
Penolong Setiausaha Kanan (DUN/MMK)
Pengurus SSI
Penyelaras Pusat PEGIS
Jurutera UKSA